

Politeknik Malaysia cemerlang



Oleh AZELI ALI dan MOHD. SAIFUL MOHD. SAHAK
kampus@utusan.com.my

DITUBUHKAN pada 1 September 1998 di bawah Program Memperkasakan Pendidikan Teknik dan Vokasional, Politeknik Seberang Perai (PSP) terus mengorak langkah untuk menjadi sebuah institusi pendidikan terunggul di Malaysia.

Harapan itu selaras dengan dasar dan hasrat kerajaan untuk melahirkan lebih ramai tenaga kerja profesional dalam bidang teknikal dan vokasional bagi merealisasikan matlamat Wawasan 2020.

Selain itu, PSP juga berhasrat untuk menjadi sebuah institusi pengajian yang terulung dalam bidang kemahiran dengan menawarkan 12 kursus di peringkat diploma dalam bidang Kejuruteraan Elektrik, Teknologi Maklumat dan Komunikasi, Kejuruteraan Mekanikal dan Perdagangan.

Sejak ditubuhkan 15 tahun lalu, PSP telah melahirkan 25,102 graduan dari seluruh pelusuk tanah air dan pada masa ini, pelajar PSP mencecah 4,945 orang.

Pengarah PSP Zulkifli Ariffin berkata, dalam tempoh 15 tahun itu, pelbagai kejayaan telah diraih oleh PSP sama ada di peringkat tempatan dan antarabangsa seiring dengan plan transformasi Jabatan Pengajian Politeknik (JPP).

"Kejayaan terbaru PSP adalah membantu pasukan politeknik Malaysia untuk muncul juara dalam Kongres dan Kejohanan Persekutuan Persatuan Robot Bola Sepak Antarabangsa (FIRA) Roboworld Cup ke-19 di Beijing, China pada 5 hingga 10 November lalu dalam kategori mirosof."

"Pasukan PSP terdiri daripada dua pensyarah iaitu Hamadi Ahmad dan Mohd. Hafiz Haron serta tiga pelajar iaitu Muhammad Faiz Shuid, Muhammad Arif Abdul Ghani dan Muhammad Zamri Othman," katanya kepada Helo Kampus di Permatang Pauh baru-baru ini.

Tambahnya, sasaran pada penyertaan kali ini adalah pingat emas bagi kategori mirosof selain membawa pulang sebanyak mungkin ilmu dan teknologi robotik dari negara luar yang terlibat untuk meningkatkan lagi taraf profesionalisme bola sepak robot di Malaysia.

Pasukan mirosof PSP terdiri daripada lima buah robot mikro yang diberi nama 'Inova' yang menggunakan teknologi Singapura namun telah ditambah baik oleh PSP dengan memprogramkan semula robot-robot tersebut dengan menggunakan aplikasi yang dibangunkan sendiri oleh pelajar-pelajar PSP yang menjadikan ia lebih laju dan cekap.

Kejohanan FIRA Roboworld ini adalah peringkat antarabangsa yang turut disertai oleh 60 pasukan dari 15 buah negara termasuk United Kingdom, Kanada, Mexico, Korea Selatan, Singapura, China



CAP

dan Indonesia merangkumi pelbagai kategori bola sepak robotik.

Pada perlawanan akhir kategori mirosof, pasukan PSP yang dianggotai pelajar program Diploma Kejuruteraan Elektronik (Komputer) dan Diploma Kejuruteraan Elektronik (Komunikasi) telah mengalahkan pasukan tuan rumah China 6-5 yang melayakkkan mereka menjulang pingat emas dan sijil penghargaan.

Tambah Zulkifli, seorang pelajar PSP, Muhammad Amir Hazwan Huzaime telah terpilih untuk menerima Anugerah Ketua Pengarah JPP pada Majlis Penyampaian Pelajar Cemerlang Politeknik 2014 di Menara Kuala Lumpur baru-baru ini.

PSP turut cemerlang dalam bidang sukan apabila muncul naib johan pada kejohanan hoki Ketua Pengarah JPP dan membawa pulang hadiah RM3,000 selain meraih tempat pertama Divisyen 2 dan menerima hadiah RM1,000.

Selain itu seorang lagi pelajar dari Jabatan Teknologi Maklumat dan Komunikasi, P. Yuvaraj yang juga atlet olahraga kebangsaan dalam 4 x 100 meter telah dinobatkan sebagai Olahragawan pada Majlis Anugerah Kecemerlangan Sukan Politeknik 2013 yang disampaikan Ketua Pengarah JPP, Datuk Mohlis Jaafar.

Jelas Zulkifli, pada 7 November lalu, satu lagi pencapaian terbaik PSP adalah menerima anugerah Sijil Naziran Bersih 2014 dari Jabatan Akauntan Negara Pulau Pinang sebagai sebuah institusi yang mencapai tahap pengurusan kewangan cemerlang.

Tambahnya lagi, PSP juga telah dianugerahkan Tier 5 yang bermaksud "Cemerlang" dalam Sistem Penarafan Politeknik, iaitu Polyrate 2013.

Dua kumpulan pensyarah PSP turut memenangi pingat emas menjadi Naib Johan Kategori Pengurusan dalam

Konvensyen Kreatif & Inovatif Peringkat Kebangsaan Politeknik Malaysia yang diadakan pada 12 hingga 14 Ogos 2014.

"PSP turut unggul di peringkat antarabangsa apabila menjadi tuan rumah kepada Kem Bahasa Inggeris Untuk Pendidikan dan Latihan Vokasional Antarabangsa Pertama pada 12 hingga 14 Ogos lalu 150 orang pelajar dari pelbagai institusi teknikal dan vokasional daripada Thailand, Indonesia, Cambodia dan Malaysia.

"Selain itu PSP turut menganjurkan Persidangan, Pertandingan dan Pameran sempena Hari Komunikasi 2014 dengan kerjasama Universiti Teknikal Melaka (UteM) dan Persatuan Alumni Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM)," ujar Zulkifli.

Katanya lagi, bagi memperkuuhkan kedudukan sebagai institusi Pendidikan Teknikal dan Vokasional (TVET) serantau, PSP telah dipilih sebagai salah satu daripada empat politeknik yang akan melalui proses akreditasi antarabangsa oleh Suruhanjaya Persijilan dan Akreditasi Asia Pasifik (APACC) pada awal tahun 2015.

Pada Mei tahun ini, tiga buah politeknik Premier iaitu Politeknik Ungku Omar, Politeknik Ibrahim Sultan dan Politeknik Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah telah mendapat anugerah emas dalam pengiktirafan akreditasi APACC.

Dalam usaha melahirkan pelajar yang tidak hanya bergantung kepada kerja makan gaji, PSP bekerjasama dengan beberapa agensi telah menganjurkan Ekspo Usahawan Bumiputera Pulau Pinang (PenBex) yang diadakan pada 31 Mei hingga 8 Jun 2014 di Tasek Gelugor.

PenBex menyediakan platform untuk pelajar PSP mendalamidi bidang keusahawanan serta mendapat maklumat mengenai produk dan perkhidmatan Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS)

serta strategi mengkomersialkan produk masing-masing.

Bagi mencapai tujuan itu, PSP turut menganjurkan Konvensyen Pembangunan Usahawan Muda dengan kerjasama pihak Majlis Amanah Rakyat (Mara), Giatmara dan Kolej Komuniti, pada 4 dan 5 September lalu yang pendedahan kepada para pelajar semester akhir mengenai peluang-peluang perniagaan, bantuan serta program-program yang disediakan oleh pihak Mara.

"Sebagai penjana modal insan, PSP sentiasa prihatin dalam memastikan usaha memperkasakan kebolehpasaran graduannya dengan menjalankan kolaborasi startegik dengan industri dan institusi pengajian tinggi lain di dalam dan luar negara melalui Surat Hasrat atau Letter of Intent (LoI).

Antara syarikat dan IPT terlibat adalah SME Corp, Lembaga Kemajuan Wilayah Kedah (KEDA), Kulim Technology Park Corporation Sdn. Bhd., TES Consultancy Sdn. Bhd., Kolej KEDA, The AK Academy, Politeknik Negeri Bandung (POLBAN), Politeknik Manufaktur Negeri Bandung (POLMAN), Politeknik Pikes Ganeshia Bandung, Kolej Teknikal Trang Thailand dan Kolej Vokasional Songkla, Thailand," katanya.

Sehingga bulan November 2014, PSP telah mencipta sejarah tersendiri apabila menandatangani 31 LOI bersama 24 organisasi, institusi dan pemain industri bagi memantapkan lagi proses pengajaran dan pembelajaran yang menerapkan kepentingan kolaborasi dengan pihak industri menerusi pelbagai latihan dan program yang dianjurkan bersama.

Zulkifli berkata, fokus khusus akan diteruskan agar PSP kekal inovatif, kreatif dan responsif kepada keperluan pembangunan negara serta bagi menjamin PSP mendapat tempat dan mempunyai kedudukan yang signifikan dalam pengajian tinggi negara seterusnya mampu melaksanakan tanggungjawabnya dalam menghasilkan modal insan negara secara lestari.



ZULKIFLI ARIFFIN